

08 OCT 1997

Mohamed-IT

MAHATHIR LANCAR KEMPEN IT SABTU INI

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata ada pihak cuba mengelirukan rakyat supaya tidak menerima teknologi maklumat (IT) yang merupakan satu agenda baru negara.

"Mereka cuba menyebarkan fobia kononnya kalau kita gunakan komputer atau internet, anak-anak kita akan terdedah kepada perkara-perkara yang merosakkan moral dan yang menganjurkan kepada kejahatan," katanya kepada pemberita di Angkasapuri di sini hari ini.

Katanya, fobia itu perlu dihapuskan kerana dalam menuju matlamat negara maju, rakyat hendaklah berani menerima dan melaksanakan perubahan termasuk penggunaan IT.

Beliau menyatakan demikian ketika menghuraikan kempen IT yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui siaran secara langsung pada semua rangkaian televisyen dan radio termasuk milik swasta pada 8.30 malam Sabtu ini.

"Ini pertama kali Perdana Menteri menyampaikan amanat kepada negara mengenai IT secara langsung," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir akan menggariskan program yang disusun bagi kempen sehingga tahun 2000 itu yang bertemakan "IT Budaya Hidup Kita".

Katanya, objektif kempen itu ialah supaya rakyat mengenali, memahami, meminati, mempelajari dan seterusnya menggunakan IT.

"Kalau kita hendak mencapai tahap negara maju, masyarakat mesti mempunyai maklumat yang cukup sebab maklumat merupakan satu kekayaan baru dunia," katanya.

Beliau berharap rakyat akan mengikuti amanat penting Perdana Menteri itu supaya mereka dapat memahami tujuan kerajaan menjadikan IT sebagai satu agenda baru negara.

Mohamed berkata beliau mendapat maklumat bahawa ada media asing yang menyatakan Perdana Menteri akan muncul pada tarikh itu melalui TV dan radio secara langsung dengan tujuan kononnya hendak membuat kenyataan letak jawatan.

"Ini memang temberang daripada media asing sebab kita fikir mereka memang tidak senang dengan kejayaan kita," kata Mohamed yang menganggap perbuatan mereka sebagai campur tangan dalam politik Malaysia.

"Dr Mahathir banyak jasanya dan kepimpinannya masih diperlukan," katanya.

Dua hari lepas, Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa beliau tidak akan meletak jawatan walaupun ada usaha daripada media asing dan pengurus dana luar negara supaya beliau berbuat demikian. -- BERNAMA

AZZ NMO